

Foto lama Tunku gamit kenangan

Anak Perdana Menteri terharu kali pertama lihat gambar bersejarah ayahanda umum merdeka

Oleh Osman Lisut

MELAKA: "Saya tidak pernah melihat gambar-gambar ini sebelum ini... kerana ketika arwah ayahanda datang ke sini bagi mengumumkan tarikh kemerdekaan pada 20 Februari 1956 saya tiada di Melaka," kata Tunku Datin Khadijah, 74, anak kedua Tunku Abdul Rahman Putra.

Beliau yang ditemui di Galeri Kemerdekaan di Dataran Pahlawan Melaka Megamall di sini, semalam, terharu kerana diberi peluang kali pertama melihat gambar detik-detik bersejarah membabitkan Almarhum ayahandanya.

Pameran itu diadakan di tempat di mana Tunku Abdul Rahman mengumumkan tarikh kemerdekaan.

Tunku Khadijah berkata, ketika Tunku Abdul Rahman membuat pengumuman berkenaan, beliau bersama suaminya, Datuk Syed Hussein Bakar, berada di Butterworth, Pulau Pinang.

"Seakan tidak percaya, gambar yang baru saya lihat ini diambil di sini (Padang Pahlawan).

"Ayahanda saya sering bercerita bahawa beliau bangga negara ini mencapai kemerdekaan tanpa menumpahkan setitis darah. Sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri, ayahanda amat gembira kerana dapat membawa tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India bersatu serta tinggal dalam harmoni terutama ketika menuntut kemerdekaan.

"Saya berharap kerjasama membabitkan masyarakat berbilang bang-



“Saya gembira berada di sini, tetapi padang di mana ayahanda saya berdiri dan mengisytiharkan kemerdekaan tiada lagi sini... tempat ini seharusnya dikedalkan sebagai warisan dan amat penting dalam lipatan sejarah negara”

Tunku Khadijah
Anak kedua Tunku Abdul Rahman



IMBAU MEMORI: Tunku Khadijah diiringi Micheal melihat gambar lama Tunku Abdul Rahman yang diambilnya ketika membuat lawatan di Dataran Pahlawan, semalam.

sa menjadi tembok kukuh kepada generasi akan datang. Mereka seharusnya belajar apa yang dilakukan Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun VT Sambanthan," katanya.

Walaupun gembira melihat memori manis menerusi pameran yang dianjurkan Kerajaan Negeri Melaka itu, Tunku Khadijah melahirkan rasa sedih kerana keindahan padang di mana lokasi tarikh pengisytiharan

kemerdekaan dibuat musnah akibat pembangunan.

"Apa yang saya lihat di sini ialah pusat membeli-belah. Semuanya dibina atas nama pembangunan dan untuk pelancong tetapi hakikatnya padang yang menjadi tempat kelahiran Malaysia musnah untuk dilihat generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata, kunjungannya ke Melaka lima tahun lalu mendapati Dataran Pahlawan masih kekal satu

padang.

"Saya masih ingat ramai kanak-kanak menggunakan padang berkenaan untuk bermain bola sepak dan mereka amat gembira, Apa boleh kita buat, demi pembangunan kita terpaksa kehilangan sebahagian daripada tinta sejarah," katanya.

Kehadiran Tunku Khadijah ke Melaka bersama suaminya ditemani Michael Wong Swee Lin, bekas jurugambar Jabatan Penerangan yang

merakam detik-detik manis kepulangan rombongan Tunku Abdul Rahman dari London dan berarak ke Padang Pahlawan bagi mengumumkan tarikh kemerdekaan dengan disaksikan 100,000 orang yang datang dari seluruh pelosok negara.

Mengimbau kenangan itu, Wong yang ketika itu berusia 29 tahun berkata, beliau tidak tahu Bapa Kemerdekaan ingin mengisytiharkan tarikh kelahiran negara baru.

"Kami tahu Tunku Abdul Rahman akan pulang dari London dan saya diarah untuk membuat liputan. Saya datang ke sini bersama seorang rakan setugas dengan membawa kamera dan mengekori Tunku Abdul Rahman dari Lapangan Terbang Batu Berendam hingga ke Padang Pahlawan di Banda Hilir.

"Saya terkejut apabila melihat lautan manusia memenuhi padang. Saya masih ingat saat-saat Tunku Abdul Rahman tiba dengan kereta Nash Rambler bernombor pendaftaran M 4442, Tunku terus mengangkat keris dan berteriak 'Merdeka'.

"Saya terus merakamkan gambar dan ia digunakan untuk mencetak setem dan duit siling ketika itu. Selain itu gambar berkenaan digunakan sehingga kini untuk acara berkaitan dengan kemerdekaan negara," kata jurugambar veteran berusia 81 tahun itu yang masih menyimpan kamera kesayangannya.

Wong berkata, orang ramai ketika itu begitu tekun mendengar setiap ucapan Tunku Abdul Rahman dan diselang seli dengan teriakan lautan manusia.